

July 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

72

nd
ISSUE

info kampus



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

ISSN 2232-1578



9 772232 157005

McDonald's Moreh Bersama Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak

Pada 15 Jun 2016 di Kampus Samarahan 2 dan 22 Jun 2016 di Kampus Samarahan 1, UiTM Sarawak berbesar hati menerima tajaan makanan sempena moreh selepas solat terawih daripada McDonald's Malaysia (The Golden Arches Restaurants Sdn. Bhd.) dengan menyumbang sebanyak 500 paket makanan (burger McChicken, pai epal dan kordial oren) kepada para pelajar UiTM Sarawak. Program ini adalah hasil anjuran bersama oleh McDonald's Malaysia, Pelajar dari Program Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perniagaan Antarabangsa) UiTM Sarawak dan Unit Hal Ehwal Islam UiTM Sarawak (ACIS).

Menurut Puan Zalina Ibrahim, pensyarah dan juga penyelar program Moreh Bersama McDonald's, para pelajar yang hadir pada kedua-dua malam tersebut amat berterima kasih kepada pihak McDonald's Malaysia di atas sumbangan yang diberikan dan berharap pada ramadan tahun hadapan, McDonald's dapat memberi sumbangan yang sama kepada mereka. Pengurus Besar Restoran McDonald's Metro City DT, Encik Mohd Razmin Yahya turut sama hadir pada moreh di Kampus Samarahan 1 selain daripada Encik Azizan, Puan Agnes and Encik Shamsul. Kedatangan mereka ke UiTM Sarawak disambut baik oleh Profesor Dato' Dr. Jamil Hj Hamali, Rektor UiTM Sarawak yang turut sama memeriahkan moreh tersebut.

Pada malam tersebut, Puan Zalina memberi cenderahati kepada pihak McDonald's, produk UiTM Sarawak hasil ciptaan beliau dan rakan-rakannya iaitu GNA Chocolate Moist Cupcakes dan GNA Chocolate Cake (bitesize) kepada pelajar-pelajar yang hadir. Pihak UiTM Sarawak merakamkan jutaan terima kasih kepada McDonald's Malaysia kerana kesudian mereka untuk menyumbang kepada warga UiTM Sarawak.



Urban Thinkers Campus (The United Nations University)

By: Voon Boo Ho

The Urban Thinkers Campus on Health and Wellbeing in The City We Need was held from 24 to 27 January 2016 at Pustaka Negeri Sarawak in Kuching. It was a successful international event with more than 170 participants from 28 nations.

UiTM Sarawak was invited to assist in co-organising the event to promote the sustainable development of healthy cities for better quality of life worldwide. Our Rector, Professor Dato Dr. Jamil Haji Hamali, kindly and promptly agreed to the request from the Director, Mr. Anthodny Capon of The United Nations University – The International Institute for Global Health (UNU-IIGH). Thereafter, the Research Fellow of UNU-IIGH (Ms Uta Dietrich) worked closely with the Service Research Group (ServGroup, UiTM Sarawak) and MASA (Intitute of Management Sarawak) to plan and implement the event.

The UiTM Sarawak team was led by Associate Professor Dr. Voon Boo Ho (Head, ServGroup) and assisted by colleagues from various faculties, and Unit Pengajaran dan Pembelajaran (UP&P) (HEA) to provide the rapporteur and the related research services. The organiser was thankful to UiTM Sarawak and was impressed with the quality of work rendered by the UiTM Sarawak team. Special thanks go to Associate Professor Dr. Corina Joseph, Associate Professor Wong Muk Ngiik, Dr. Kuldip Singh, Patricia Melvin Jussem, Elizabeth Caroline Augustine, Jennifah Nordin, Reni Cacillia, Sharon Pearl Henry, Chan Ai Nyet, Griscella Luciana Gon, Mohd Hilzan and Abdul Khalid Karim for the excellent efforts and hard work which had contributed to the success of the event.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my